

Najib belanja RM606.5 juta dalam tiga tahun

KUALA LUMPUR - Seorang bekas ahli bank memberitahu Mahkamah Tinggi di sini yang mendengar perbicaraan kes Datuk Seri Najib Tun Razak membatik dana SRC International Sdn Bhd bahawa wang sebanyak RM606.51 juta didepositkan dan dibelanjakan oleh bekas Perdana Menteri itu melibatkan tiga bank akaunnya dalam


tempoh tiga ta-

hun.

Bekas pengurus perhubungan di AmBank, Joanna Yu Ging Ping, 48, berkata demikian semasa pemeriksaan semula oleh Timbalan Pendakwa Raya Datuk V.Sithambaran berhubung jumlah wang yang digunakan oleh tertuduh antara 2013 dan 2015.

Menurut dokumen bank yang dikemukakan di mahkamah, jumlah tepat yang dikreditkan ke dalam akaun itu adalah RM606,510,434.66.

Sementara itu, ahli per-



**SKANDAL SRC
INTERNATIONAL**

Najib didakwa berbelanja RM606.51 juta dalam tempoh tiga tahun.

magaan yang menjadi buruan, Low Taek Jho atau lebih dikenali sebagai Jho Low, menggelar Najib 'Optimus Prime' atau singkatannya, OP, iaitu watak utama dalam filem-filem *Transformers*.

Ging Ping, berkata, Jho Low menggunakan singkatan itu apabila merujuk kepada Najib dalam perbualan BlackBerry Messenger, ketika kedua-dua mereka berbincang mengenai tiga transaksi ke dalam akaun peribadi Najib.

Ging Ping: Ashok (bekas

Pengarah Urusan AmBank, Ashok Ramamurthy) mahu mengemaskinikan laporan.

Sithambaran: Jho Low kata, "Gila, beritahu dia OP kata mereka mungkin akan menutup akaun itu pada bulan Disember." Apa itu OP?

Ging Ping: Saya teringat saya ada bertanya, (dan) saya diberitahu ia singkatan kepada nama 'Optimus Prime'.

Sithambaran: Siapa OP?

Ging Ping: Apa yang saya faham, dia ialah Datuk Seri Najib. *-Bernama*